

Kerjaya guru prasekolah makin diminati

» *AeU perkenal program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak*

Kerjaya sebagai guru prasekolah atau guru taska/tabika adalah profesion yang semakin mendapat perhatian di kalangan belia di bandar mahupun luar bandar. Jika dulu ia profesion dipandang sepi ekoran bayaran kurang lumayan dan status kerjaya kurang popular, kini penerimaan terhadap profesion guru prasekolah semakin baik.

Kesedaran ibubapa dalam memastikan anak mereka menghadiri prasekolah adalah semakin meningkat dan ada di antaranya mula ditempatkan di prasekolah seawal umur 4 tahun.

Universiti dan kolej mula memperkenalkan kursus berkaitan termasuk Asia e University (AeU) yang

memperkenalkan program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Graduate Diploma in Early Childhood Education (GDipeECE)).

Program yang memulakan pengambilan pertama pada Mei 2012 itu kini mempunyai 50 pelajar dan menjangka jumlahnya bakal meningkat kepada 100 pelajar menjelang pengambilan Januari 2014.

Pengiktirafan bidang

Pensyarah kanan School of Education and Cognitive Sciences (SECS), Noryati Alias, berkata aspek kelayakan iktis dalam menjalankan tanggungjawab mengajar di sekolah adalah sesuatu yang kritis dan ia adalah titik tolak dalam menghasilkan pelajar berkualiti.

“Kesedaran umum mengenai perlunya pengiktirafan khusus bidang pengetahuan dan kemahiran guru membawa kepada pengenalan program khas pendidikan awal kanak-kanak kepada guru prasekolah. Ia lebih kritikal

di mana pada usia sekitar 4 hingga 6 tahun, kanak-kanak mula membentuk identiti dan kecenderungan mereka. Peranan dan pengetahuan asas guru dalam pendidikan awal kanak-kanak penting bagi memastikan pelajar cilik ini berada pada landasan yang betul” ujar Noryati.

Pendedahan prasekolah

Sepanjang pengajian GDipeECE, pelajar diberi pendedahan kepada 18 subjek dipilih khas bersesuaian keperluan pendidikan kanak-kanak di peringkat prasekolah. Antara subjek adalah Psikologi Pendidikan, Bahasa & Sastera untuk Kanak-Kanak, Kesihatan, Nutrisi & Keselamatan Kanak-Kanak, Seni Kreatif serta Musik & Pergerakan.

AeU menetapkan syarat yang ketat dalam pemilihan tenaga pengajar dalam mana-mana program yang ditawarkan. Majoriti fasilitator akademik di AeU merupakan mereka yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang akademik



Sepanjang pengajian GDipeECE, **pelajar didedahkan kepada 18 subjek dipilih khas** bersesuaian pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah.

selain daripada mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Pendidikan.

Piawaian tersebut diwujudkan bagi memastikan graduan AeU diberi pendedahan sebenar mengenai realiti dan keperluan program yang mereka ikuti serta

relevan dengan keperluan semasa.

Permohonan mengikuti program yang ditawarkan AeU pada semester Mei 2013 kini dibuka. Maklumat lanjut layari www.aeu.edu.my atau hubungi 1-300-300-238.